

06 AUG 1999

SIM-SEMINAR

KIRA-KIRA 300 PESERTA HADIRI SEMINAR RAMALAN PERNIAGAAN M'SIA

KUALA LUMPUR, 6 Ogos (Bernama) -- Kira-kira 300 peserta dijangka menyertai dialog dan seminar mengenai Ramalan Perniagaan Malaysia yang akan dianjurkan oleh Strategic Intelligence (M) Sdn Bhd (SIM) pada 27 Ogos, 1999 di JW Marriott Hotel, di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual menghadiri sesi dialog itu, sementara Prof Paul Krugman, seorang ahli ekonomi terkenal daripada Ford International Professor of Economics, MIT (Massachusetts Institute of Technology) juga turut hadir, kata presiden SIM Tan Sri (Dr) Lim Kok Wing.

Pada persidangan akhbar untuk mengumumkan acara itu, beliau berkata kira-kira 60 ahli ekonomi, usahawan dan pemimpin politik terkemuka Malaysia dijangka mengambil bahagian dalam dialog sejam setengah itu yang akan diadakan sebelum seminar tersebut.

Seminar itu akan dibahagikan kepada dua sesi. Sesi pertama dengan tajuk "Asia di dalam Persekitaran Ekonomi Baru," akan dipengerusikan oleh Menteri Pendidikan Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak.

Prof Krugman akan menjadi penceramah utama pada sesi itu dan akan membentangkan satu kertas kerja bertajuk "Menjayakan Anjakan Paradigma di dalam Persekitaran Ekonomi Baru Asia."

Sesi kedua, "Prospek bagi Perniagaan Malaysia" akan dipengerusikan oleh Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed.

Di samping Prof Krugman, yang lain diundang menghadiri sesi kedua termasuk Gabenor Bank Negara Malaysia Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman, anggota Kumpulan Kerja Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Dr Zainal Aznam Yusof dan rakan pengurusan Andersen Consulting Larry Gan.

"Seminar itu menghimpunkan sebilangan pakar, pemimpin-pemimpin korporat dan politik yang akan membincangkan isu-isu yang menentukan arah tuju masa depan persekitaran perniagaan dan ekonomi Malaysia," kata Lim.

Beliau berharap agar seminar itu akan menghasilkan gagasan-gagasan yang berguna untuk mempercepatkan lagi pemulihan ekonomi negara.

Dengan itu, cadangan-cadangan yang akan dibuat pada seminar itu akan membantu proses pemulihan dengan cergas, katanya.

Pertanyaan-pertanyaan berkaitan seminar itu boleh dikemukakan kepada sekretariat seminar di alamat berikut:

Tingkat 10, Bangunan Getah Asli,

148 Jalan Ampang,

50450 Kuala Lumpur

Tel: 03-2613360/2645668.

-- BERNAMA

ZMY FR OS